KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

KEMAS

Aras 5-9, No. 47, Persiaran Perdana
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan, 62100 Wilayah Persekutuan
Putrajaya
Tel: 03-8891 2682
Faks: 03-8888 2311
Laman Web: www. kemas.gov.my

KENYATAAN MEDIA

MEDIA RELEASE

No. Rujukan: KEMAS.100-9/1/3 (5) Tarikh: 9 Mei 2024/ 30 Syawal 1445H

PROGRAM SENTUHAN KASIH DESA KKDW & KEUSAHAWANAN DESA MADANI @SUKAU KINABATANGAN BERI MANFAAT KEPADA USAHAWAN LUAR BANDAR

Kinabatangan, 9 Mei - Program Sentuhan Kasih Desa KKDW & Keusahawanan Desa Madani menjadi tumpuan masyarakat luar bandar dengan kehadiran seramai 2,000 ke program tersebut yang diadakan selama 2 hari bermula 9 hingga 10 Mei 2024, bertempat di Dataran Tamu Sukau, Kinabatangan, Sabah.

Penganjuran program ini merupakan salah satu usaha pemerkasaan usahawan luar bandar di bawah KKDW untuk memartabatkan produk dan perkhidmatan usahawan luar bandar melalui platform yangdisediakan disamping mengeratkan hubungan antara pemimpin dan masyarakat melalui program, inisiatif dan bantuan langsung kepada masyarakat.

Turut diadakan, penyampian Watikah Pelantikan Jawatankuasa Komuniti Desa Madani kepada seramai 132 orang pengerusi serta setiausaha dari 66 buah kampung di Daerah Kinabatangan sebagai pengiktirafan fungsi dan peranan penting dalam pengurusan dan pembangunan di peringkat desa.

Terdapat 38 reruai pameran dan 4 kaunter bergerak dari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Kementerian Kesihatan Malaysia selain agensi-agensi di bawah KKDW antaranya KEMAS, RISDA, FELCRA, MARA, Bank Rakyat dan Majlis Hal Ehwal Wanita & Keluarga (HAWA) Malaysia di bawah naungan Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil.

Disediakan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMAS
9 Mei 2024